LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
*Malaysian Palm Oil Board*
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
*(Ministry of Plantation Industries and Commodities)*
MPOB

Ruj. Tuan / Your Ref. :
Ruj. Kami / Our Ref. : (8)04/B/PI/668/2 JIL 2

7 September 2020

Semua Pemegang Lesen **PERINGATAN**

**Kilang Buah Sawit**
**Kilang Penapis**
**Kilang Pelumat Isirung**
**Kilang Biodiesel**
**Kilang Oleokimia**
**Pusat Simpanan**
**Peniaga Buah Sawit**
**Peniaga Minyak/Isirung Sawit**
**Bahan Tanaman/Nurseri Sawit**

Tuan,

**PERINGATAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNATENAGA SECARA *ONLINE* (SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PEMPROSESAN DAN PENIAGA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta surat Lembaga Ruj. (7)/04/B/PI/668/2 JIL 2 bertarikh 3 Ogos 2020 adalah berkaitan.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, tempoh pengisian maklumat bancian bagi status gunatenaga untuk bulan Jun 2020 secara *online* melalui sistem e-gunatenaga telah pun berakhir pada **30 Ogos 2020.** Namun begitu, sehingga kini pihak kami masih **belum menerima maklumbalas** daripada pihak tuan.

3. Mengikut peruntukan *Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005* menyatakan, "***Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap syarat yang dikenakan berhubungan dengan tiap-tiap kategori yang dinyatakan dalam lesen***", dan *Jadual Keenam, Para 5, Syarat-syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen* menyatakan bahawa "***Pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga***".

Peraturan 21(2), Peraturan Pelesenan 2005 "***Seorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali*** ".

Ulangtahun MPOB ke 20
Memacu Inovasi Sawit, Menjana Kelestarian Industri
PIPOC 2023 International Palm Oil Congress and Exhibition
7 - 9 November 2023
Kuala Lumpur Convention Centre

4. Sehubungan itu, tuan adalah diberi **PERINGATAN** untuk mengisi bancian gunatenaga tersebut secara *online* di laman sesawang http://e-gunatenaga.mpob.gov.my dan mengemukakannya kepada pihak kami **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 6 OKTOBER 2020**. Sebarang pertanyaan lanjut , pohon hubungi pegawai seperti di Lampiran 1. Kegagalan tuan dalam memberikan maklumbalas ke atas bancian yang dijalankan ini, boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

.........................................................

**DAYANG NAZRIMA SHAHARI**
Ketua Unit Pembangunan Industri
Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri
b.p. Ketua Pengarah
MPOB

**s.k.** Ketua Pengarah MPOB
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB
Pengarah Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri MPOB
Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan MPOB
Ketua Wilayah MPOB

**AKSES UNTUK LAMAN SESAWANG e-GUNATENAGA (http://e-gunatenaga.mpob.gov.my)**

**Adalah dimaklumkan <u>Nombor Lesen</u> dan <u>Kata Laluan</u> anda untuk mengakses laman sesawang e-Gunatenaga (http://e-gunatenaga.mpob.gov.my) adalah seperti berikut:**

**Nombor Lesen : (Seperti yang diberikan oleh MPOB)**

**Kata Laluan : 1) <u>SEPERTI YANG DIGUNAKAN SEMASA PENGISIAN e-GUNATENAGA PADA TAHUN 2019</u>**
**2) <u>BAGI PELESEN BARU, SILA GUNAKAN 123456</u>**




**Anda adalah dinasihatkan supaya menukar <u>Kata Laluan</u> dengan segera selepas mengakses laman e-GUNATENAGA.**

**Nama Pegawai Untuk Dihubungi :**

| **<u>KATEGORI PENIAGA</u>** | **<u>No. Telefon</u>** | **<u>Emel</u>** |
|---|---|---|
| **<u>PENIAGA BUAH SAWIT</u>** | | |
| Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin | 03-7802 2991 | rohidayati@mpob.gov.my |
| Pn. Nurul Ain Ahmad Tarmizi | 03-7802 2816 | ainas@mpob.gov.my |
| **<u>PENIAGA MINYAK & ISIRUNG SAWIT</u>** | | |
| Pn. Nurul Hufaidah Sharif | 03-7802 2824 | hufaidah@mpob.gov.my |
| Pn. Nurul Ain Ahmad Tarmizi | 03-7802 2816 | ainas@mpob.gov.my |
| **<u>BAHAN TANAMAN SAWIT</u>** | | |
| Pn. Harisah Hamid | 03-7802 2916 | harisah@mpob.gov.my |
| Pn. Siti Suziyana Mohd Omar | 03-7802 2820 | suziyana@mpob.gov.my |